

Agenda perumahan warga ATM dilaksanakan menyeluruh

BH-14/7/2022 mlb: 5

BP 3.0 MINDEF tingkat kebajikan anggota, veteran seiring aspirasi Keluarga Malaysia

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Blueprint Perumahan 3.0 (BP 3.0) Kementerian Pertahanan (MINDEF) menjadi agenda menyeluruh dalam menambah baik kebajikan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM), termasuk veteran dan awam yang mendukung aspirasi Keluarga Malaysia, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, rangka tindakan itu akan memastikan perancangan Agenda Perumahan MINDEF yang bermula dari 2022 hingga 2030 dapat dilaksanakan dengan teratur.

“Sebagai bekas Menteri Kanan Pertahanan, tentu saya sangat prihatin dan sentiasa berusaha memastikan kebajikan warga kerja pertahanan terpelihara. Malah, isu berkaitan perumahan tuan-tuan dan puan-puan sentiasa dekat di hati saya.

“Ini seterusnya dapat menjamin kemudahan perumahan kepada warga kerja pertahanan yang banyak menyumbang bakti kepada kedaulatan negara dan paling banyak berkorban, demi membela keselamatan Keluarga Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Blueprint Perumahan 3.0 Kementerian Pertahanan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Ka-



Ismail Sabri melihat replika kediaman *Residensi Sateria @ Sungai Besi* pada Majlis Pelancaran Blueprint Perumahan 3.0 Kementerian Pertahanan di Wisma Perwira, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

nan Pertahanan, Datuk Seri Hisammuddin Hussein.

Bina-pajak-senggara

Ismail Sabri berkata, kerajaan sedar beban kewangan yang perlu ditanggung bagi melaksanakan BP 3.0, justeru kaedah perolehan secara penswastan seperti bina-pajak-senggara-pindah atau ‘Landswap’ akan diberi pertimbangan supaya sebahagian besar matlamat rangka tindakan itu dapat dicapai.

“Kerajaan melalui MINDEF sentiasa memberi keutamaan kepada agenda perumahan warga ATM dan warga awam MINDEF. Ini keutamaan, tiada kompromi.

“Alhamdulillah, saya berasa lega apabila hasil daripada pelaksanaan Blueprint Perumahan 1.0 (BP 1.0) dan Blueprint Perumahan 2.0 (BP 2.0), sebanyak 4,200 unit Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) ba-

haru berjaya disiapkan dan diduduki,” katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi meneruskan kesinambungan BP 1.0 dan BP 2.0, BP 3.0 akan menumpukan kepada penyediaan baki keperluan 12,733 unit RKMAT seluruh negara menerusi lima fasa bermula 2023 hingga 2030.

Jelasnya, di bawah program selenggara dan naik taraf, sasaran 80 peratus daripada 7,292 unit RKMAT sedia ada akan dinaik taraf, termasuk pengubahsuaian daripada dua unit kepada satu unit, selain perabot lama yang rosak akan diganti dengan perabot baharu.

“Selain itu, sebanyak 6,400 unit di Kem Genting Klang dan 974 unit di Kem Wardieburn turut akan dibina di bawah Blueprint 3.0,” katanya.

Di bawah program Inisiatif Perumahan Veteran ATM pula, beliau berkata 1,700 unit akan di-

bina, demi kesejahteraan veteran ATM di seluruh negara.

“Dalam masa yang sama, lebih banyak rumah akan diselenggara dengan nisbah sarannya satu unit baharu dibina, empat unit akan dinaik taraf.

Nasib veteran terus dibela

“Saya difahamkan, 100 rumah veteran disasarkan untuk dibaik pulih dan dibina baharu pada tahun ini.

“Syabas kepada MINDEF dan ATM, khususnya Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM,” katanya.

Ismail Sabri menegaskan, BP 3.0 ialah projek perumahan jangka panjang MINDEF yang menitikberatkan kebajikan warganya.

Katanya, perancangan BP 3.0 cukup besar dan meluas, yang bukan sahaja menuntut komitmen dan kesungguhan yang tinggi, malah memerlukan kerjasama erat daripada semua pihak terbabit.